



8H7M

INNER MONGOLIA



Dikenali dengan patung besar Genghis Khan yang berdiri megah, dataran ini juga dilengkapi denganugu dan monumen yang menggambarkan sejarah penting Mongolia. Pelancong sering melawat tempat ini untuk melihat patung Genghis Khan, mengambil gambar, serta menikmati pemandangan sekitar dan keindahan seni bina yang mencerminkan warisan budaya Mongolia.

Map



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sep - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



**CHINESE
YUAN:**
CNY 1



**RINGGIT
MALAYSIA:**
MYR 0.65



**PERBEZAAN WAKTU
CHINA: GMT+8**

TOUR HIGHLIGHTS

1



MEMAKAI PAKAIAN TRADISIONAL MONGOLIA:

Aktiviti pelancongan yang membolehkan pengunjung merasai budaya Mongolia dengan memakai pakaian tradisional "Deel" dan bergambar di padang rumput luas yang indah.

2



TRADISI MEMANAH:

Memanah merupakan sebahagian penting dalam sejarah Mongolia, terutama pada zaman Genghis Khan, di mana ia digunakan dalam peperangan dan berburu.

3



XILAMUREN GRASSLAND:

Di padang rumput Xilamuren, pelancong dapat menikmati pemandangan indah padang rumput, menikmati makanan enak, dan budaya Mongolia yang unik.

4



XIANGSHA BAY:

Terkenal dengan padang pasirnya luas dan pemandangan yang menakjubkan. Sejarahnya berkait rapat dengan budaya Mongol dan perdagangan sutera. Pelancong yang berkunjung ke Xiangsha Bay boleh menikmati aktiviti seperti menunggang unta, berakut di Sungai dan menikmati pemandangan matahari terbenam yang memukau.

HOTEL PENGINAPAN | 3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Ordos	Tianjiao Hotel	2 Mlm
Hohhot	Xiangtai Hotel	2 Mlm
Grassland	Mongolian Yurt	1 Mlm
Dalate	Xiyue Mobei Hotel	2 Mlm

JADUAL PENERBANGAN *Batik air*

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 626	KUL - DSN	1500	2050
8	OD 627	DSN - KUL	2150	0405+1

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 7 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Penginapan 1 malam di Local Modern Yurt.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

8H7M

INNER MONGOLIA



HARI 01 KUALA LUMPUR - ORDOS

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Ordos.

HARI 02 ORDOS - QINGSHUIHE MT/MM

- **Qingshuihe:** Terkenal dengan keindahan landskap semula jadi, budaya etnik, dan sejarahnya. Ia pernah menjadi laluan perdagangan penting antara China dan Mongolia. Pelancong yang melawat Qingshuihe boleh menikmati pemandangan sungai jernih, meneroka budaya etnik Mongolia, dan melawat tapak sejarah seperti kubu lama dan tinggalan laluan perdagangan.
- **Old Ox Bay:** Kawasan ini terkenal dengan pemandangan semula jadi yang menakjubkan serta kepentingan sejarah sebagai laluan pertahanan purba. Pelancong boleh meneroka runtuhannya Tembok Besar, menikmati keindahan tasik dan lembah, serta menaiki bot di Yellow River.
- **Sacred Ox Square:** Terletak di tepi Yellow River dan terkenal dengan patung lembu suci yang melambangkan keberanian dan ketabahan masyarakat setempat. Tempat ini mempunyai nilai budaya dan sejarah kerana Sungai Kuning sering dikaitkan dengan mitos dan legenda China.
- **Yellow River Cruise:** Menikmati keindahan alam, pelayaran ini juga memberikan peluang untuk mempelajari sejarah, budaya, dan kepentingan Yellow River dalam tamadun China.

HARI 03 HOHHOT SP/MT/MM

- **Zhao Jun Museum:** Muzium ini menggabungkan unsur sejarah dan budaya etnik, menampilkan seni bina tradisional Han serta pameran mengenai kehidupan dan peranan Zhaojun dalam hubungan diplomatik antara Dinasti Han dan Xiongnu.
- **General Mansion:** Kompleks ini menampilkan seni bina tradisional Cina dengan dewan utama, halaman luas, dan bangunan bersejarah. Pelancong dapat meneroka bilik pameran yang memaparkan dokumen, pakaian, dan peralatan ketenteraan zaman dahulu.
- **Great Mosque:** Dibina pada zaman Dinasti Qing pada abad ke-17. Masjid ini menggabungkan seni bina Islam dan Cina, dengan menara yang menyerupai pagoda serta hiasan kaligrafi Arab.
- **Kuanxiangzi Muslim Food Street:** Jalan ini dipenuhi dengan restoran dan gerai yang menawarkan pelbagai hidangan Muslim seperti daging kambing panggang, mi tarik, dan pastri tradisional.
- **Xianghe Market:** Pasar tradisional yang terkenal dengan pelbagai barangan tempatan, termasuk hasil tani segar, rempah-ratus, makanan halal, pakaian, dan kraftangan Mongolia. Pasar ini mencerminkan kehidupan harian penduduk tempatan dan menjadi tempat ideal untuk pelancong membeli cenderamata unik serta mencuba makanan tempatan.

HARI 04 MONGOLIA GRASSLAND SP/MT/MM

- **Xilamuren Grassland:** Padang rumput luas di Inner Mongolia yang terkenal dengan pemandangan indah dan budaya nomad Mongolia.
- **Visit Local Mongolian Family:** Pengalaman pelancongan budaya yang membolehkan pengunjung mengenali gaya hidup tradisional masyarakat nomad Mongolia.
- **Wearing Mongolia Costumes for Photos:** Aktiviti pelancongan yang membolehkan pengunjung merasai budaya Mongolia dengan memakai pakaian tradisional "Deel" dan bergambar di padang rumput luas yang indah. Pakaian ini mencerminkan warisan sejarah masyarakat nomad yang telah wujud sejak zaman Genghis Khan.
- **Closely Touch Little Lambs:** Pelancong boleh membelai, memberi makan, serta bergambar dengan anak biri-biri yang comel, sambil menikmati keindahan alam semula jadi padang rumput yang luas.
- **Trying Archery:** Memanah merupakan sebahagian penting dalam sejarah Mongolia, terutama pada zaman Genghis Khan, di mana ia digunakan dalam peperangan dan berburu.
- **Bonfire Party:** Acara tradisional yang menggabungkan budaya, alam, dan hiburan. Di sana, pelancong dapat menikmati suasana padang

rumpun yang luas, sambil menyaksikan api unggun besar dan mendengar muzik tradisional Mongolia. Acara ini juga melibatkan tarian rakyat, nyanyian, dan permainan khas yang menonjolkan budaya nomad.

HARI 05 HOHHOT - DALATE SP/MT/MM

- **Mengliang Ethnic Culture Park:** Taman budaya yang mempamerkan keunikan etnik-etnik di China, terutamanya dari suku Hui dan suku-suku lain di wilayah tersebut. Pelancong boleh mengunjungi rumah tradisional, melihat seni dan kraf tangan tempatan, serta menikmati persembahan kebudayaan seperti tarian dan muzik tradisional.
- **Genghis Khan Square:** Dikenali dengan patung besar Genghis Khan yang berdiri megah, dataran ini juga dilengkapi dengan tugu dan monumen yang menggambarkan sejarah penting Mongolia. Pelancong sering melawat tempat ini untuk melihat patung Genghis Khan, mengambil gambar, serta menikmati pemandangan sekitar dan keindahan seni bina yang mencerminkan warisan budaya Mongolia.

HARI 06 GEBI DESERT SP/MT/MM

- **Xiangsha Bay:** Terkenal dengan padang pasirnya luas dan pemandangan yang menakjubkan. Sejarahnya berkait rapat dengan budaya Mongol dan perdagangan sutera. Pelancong yang berkunjung ke Xiangsha Bay boleh menikmati aktiviti seperti menunggang unta, berakit di Sungai dan menikmati pemandangan matahari terbenam yang memukau.

HARI 07 BAOTOU SP/MT/MM

- **Baotou Ancient Town:** Bandar ini terkenal dengan seni bina tradisional -nya, kuil-kuil bersejarah, dan suasana yang mencerminkan warisan budaya Mongol. Pelancong boleh mengunjungi tempat bersejarah seperti Kuil Baotou, jalan-jalan lama yang dipenuhi kedai-kedai kraftangan, serta menikmati makanan tempatan.
- **Baotou Mosque:** Masjid ini merupakan pusat keagamaan penting bagi komuniti Muslim di kawasan tersebut. Seni bina masjid menggabungkan unsur-unsur tradisional Islam dan Cina.
- **Pedestrian Street:** Jalan ini terkenal dengan pelbagai kedai, pusat membeli-belah, dan restoran yang menawarkan produk tempatan dan jenama terkenal. Sejarahnya, kawasan ini telah berkembang menjadi destinasi utama bagi penduduk tempatan dan pelancong.

HARI 08 ORDOS - KUALA LUMPUR SP/MT/MM

- **Gengcang Silver Museum:** Muzium ini memberikan pandangan mendalam tentang seni dan budaya pembuatan perak tradisional Mongol. Pelancong boleh melihat pelbagai koleksi barang perhiasan, peralatan perak, dan maklumat mengenai teknik pembuatan perak yang telah diwarisi sejak berabad-abad lamanya.
- **Cultural Industrial Park:** Taman ini mempunyai galeri seni, muzium, dan ruang pameran yang memaparkan karya seni tempatan, muzik, dan budaya tradisional Mongolia.
- **Dongsheng Mosque:** Dibina pada abad ke-19, masjid ini mempunyai seni bina yang menggabungkan elemen Islam dan tradisional Cina. Pelancong boleh mengunjungi masjid ini untuk melihat reka bentuknya yang indah, serta menikmati suasana tenang dan damai.
- **Yihe Ecological Park:** Taman ekologi yang menawarkan pemandangan alam semula jadi yang indah. Taman ini direka untuk mempromosikan perlindungan alam sekitar dan kehidupan hijau.
- **Kangbashi New Town:** Kawasan bandar moden yang dibangunkan untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bandar. Dikenali dengan seni bina futuristik, Kangbashi menawarkan pelbagai tarikan seperti pusat membeli-belah, muzium, dan taman-taman yang luas.
- **Yike Aobao:** Aobao adalah sebuah batu besar atau tumpukan batu yang digunakan dalam upacara keagamaan dan adat istiadat masyarakat Mongolia.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.